

Kulim Trail Run tampil kelainan

Perkenal 3 siri pertandingan berbanding hanya satu sebelum ini

MOHD FIRDAUS YON

JOHOR BAHRU

Johor Corporation (JCorp) melalui Kulim (M) Berhad (Kulim) meneruskan penganjuran Kulim Trail Run pada tahun ini.

Penganjuran kali ini merupakan tahun ketiga dengan melibatkan tiga ladang sebagai trek larian.

Presiden & Ketua Eksekutif JCorp, Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim berkata, acara pada tahun ini lebih menarik dan bermakna kerana dianjurkan bersempena 50 tahun penubuhan JCorp.

Menurutnya, penganjuran Kulim Trail Run 2018 menampilkan kelainan apabila penganjur memperkenalkan tiga siri pertandingan berbanding hanya satu sebelum ini.

"Untuk acara kali ini, peserta merentas tiga ladang sawit milik Kulim iaitu Ladang Siang dan Ladang Basir Ismail bagi dua siri

terdahulu pada September dan November lalu, disusuli Ladang Ulu Tiram pada 15 Disember ini," katanya.

Kamaruzzaman yang juga Pengerusi Kulim berkata, penganjur menawarkan hadiah wang tunai RM20,000 kepada peserta di setiap lokasi selain pelbagai hadiah menarik melalui acara cabutan bertuah.

"Penganjuran acara larian ini sejak 2016 merupakan inisiatif JCorp melalui Kulim dalam merealisasikan aspirasi dan seruan kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai rakyat mengamalkan gaya hidup sihat.

"Selain acara larian, kami merancang pelbagai aktiviti termasuk projek kemasyarakatan sebagai melunaskan tanggungjawab korporat syarikat," katanya.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Kulim, Zulkifly Zakariah berkata, kebiasaan penganjuran acara larian tersebut berkonsepkan maraton atau 'on-road'.

Katanya, bagi acara Kulim Trail Run 2018, pihaknya memilih untuk mengkomersialkan acara 'trail run' bersesuaian dengan Kulim sebagai sebuah syarikat perladangan.

"Kejayaan penganjuran acara ini sejak tiga tahun lalu adalah hasil sokongan dan kerjasama erat khususnya agensi berkaitan seperti



Acara pelepasan peserta Kulim Trail Run 2018.

info

Acara pada tahun ini lebih menarik dan bermakna kerana dianjurkan bersempena 50 tahun penubuhan JCorp

Pejabat Daerah Kota Tinggi, PBT Pengerang dan Kejora.

Bagi Ketua Divisyen Khidmat Korporat Kulim, Idham Jihadi Abu Bakar berkata, siri terdahulu menyaksikan lebih 30 peratus peserta dari luar negara seperti Singapura, Indonesia dan Kenya.



Antara peserta yang menyertai Kulim Trail Run 2018.